

KONSEP MODUL INTEGRASI LATIHAN PERGURUAN PENDIDIKAN ISLAM

Sapie Sabilan, Mohamad Fuad Ishak, Suhana Mohamed Lip, Suziana Hanini Sulaiman
sapie@kuis.edu.my
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS

ABSTRAK

Pendidikan merupakan suatu usaha yang berterusan untuk memperkembangkan potensi manusia secara menyeluruh terhadap aspek rohani, akal, emosi dan jasmani melalui aktiviti-aktiviti yang saling berkaitan dalam pengajaran dan pembelajaran. Guru merupakan individu terpenting dalam bidang pendidikan untuk menyampaikan segala ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada para pelajarnya. Keberhasilan proses pengajaran dan pembelajaran bergantung kepada cara guru mengajar. Guru semestinya mampu menyesuaikan pendekatan, strategi, kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran supaya objektif dan matlamat pengajaran dapat dicapai. Metodologi kajian berteraskan kaedah “*Systematic Literature Review*” (SLR) dan analisis kandungan telah digunapakai bagi membuat analisis dapatan kajian. Berdasarkan tema “Modul Integrasi Latihan Perguruan”, dapatan kajian menunjukkan terdapat 6 artikel daripada jurnal berkaitan bidang kajian. Makalah kajian ini akan mengupas mengenai aspek: (i) konsep Islamisasi dan integrasi ilmu (ii) elemen-elemen latihan perguruan; dan (iii) konsep modul integrasi latihan guru Pendidikan Islam. Sejak penubuhan Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) pada tahun 2000, pelbagai persoalan dan isu tentang idealisme dan pelaksanaan pendidikan integrasi sering ditimbulkan. Antaranya, isu tentang pemahaman guru berkaitan ilmu bidang dan cara penyampaian yang kurang kelihatan elemen integrasi. Terdapat juga guru-guru memahami pendidikan integrasi itu dari sudut pentadbiran, pengurusan dan jadual waktu sahaja, sedangkan guru-guru perlu memahami konsep, falsafah dan matlamat pendidikan integrasi melalui latihan yang tersusun dan sistematik. Justeru itu, kajian ini bertujuan menjelaskan konsep modul integrasi dalam latihan perguruan guru-guru SRAI, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Hasil dapatan kajian diharap dapat membantu pihak Jabatan Agama Islam Selangor untuk menambahbaik latihan perguruan sedia ada dan program-program baru yang akan datang.

Kata kunci: Modul integrasi, latihan perguruan, pendidikan Islam

1.0 PENGENALAN

Peranan guru sebagai tunjang utama dalam memperkasakan dan memajukan bidang pendidikan di negara ini sememangnya tidak dapat dinafikan lagi (Mohd. Fadzly Mohd. Izab, 2011). Fungsi dan peranan guru dipandang tinggi dan diiktiraf oleh masyarakat sebagai agen perubahan (Idris & Hamzah, 2013; Salmiah, Ramlah, B, & Abdullah, 2011; Muhammad Faizal & Abd. Khalil, 2015). Guru merupakan orang terpenting dalam bidang pendidikan untuk menyampaikan segala ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar dan seterusnya diaplikasikan dan direalisasikan di persekitaran atau dunia yang semakin mencabar. Menurut Mohd Kamal (2012), sejak penubuhan SRAI pada tahun 2000, pelbagai persoalan dan isu tentang idealisme dan pelaksanaan pendidikan integrasi sering ditimbulkan. Pemahaman guru yang dikaitkan dengan aspek penyampaian kandungan ilmu yang bermakna dan keperluan guru yang memiliki kemahiran dalam melaksanakan teknik pengajaran dan pembelajaran pendidikan integrasi sering menjadi isu yang diperbahaskan. Kajian UPSI (2006) mendapati guru-guru memahami pendidikan integrasi dari sudut pentadbiran, pengurusan dan jadual waktu. Walaubagaimanapun, pengajaran dan pembelajaran berkonsepkan pendidikan integrasi tidak dilaksanakan. Perkara ini berlaku memandangkan penubuhan SRAI yang bermula pada tahun 2000 dianggap baru dan guru-guru yang tidak didedahkan dengan pendidikan integrasi. Guru-guru perlu memahami konsep, falsafah dan matlamat pendidikan integrasi melalui latihan yang tersusun dan sistematik (Mohd Kamal, 2012). Modul integrasi latihan perguruan khusus untuk guru-guru SRAI perlu dibina untuk dijadikan asas ke arah pelaksanaan pendidikan integrasi (Mohd Kamal, 2012). Oleh yang demikian itu, kajian ini sangat penting untuk dijalankan sebagai satu usaha untuk memantapkan institusi pendidikan umumnya dan latihan perguruan khususnya.

2.0 PENYATAAN MASALAH

Matlamat pendidikan ialah untuk melahirkan insan yang baik dan sempurna. Insan yang baik memiliki sahsiah yang seimbang dan sepadu. Ini bermakna ia dapat memenuhi tuntutan rohani dan jasmani secara wajar dan mencukupi. Ia melihat bahawa segala aktiviti hidupnya tidak pernah terpisah daripada aktiviti agama. Perkara utama yang akan menentukan bahawa seluruh kehidupan insan terkawal ialah kepercayaan dan keyakinan mereka kepada Tuhan. Prinsip ketuhanan akan menjadi paksi dalam kehidupan manusia (Ahmad, 2001). Untuk menjayakan hasrat ini, kandungan pendidikan yang lengkap perlu disediakan. Dari sudut falsafah, seluruh kandungan pendidikan merupakan ilmu yang ingin disampaikan dan dikembangkan kepada insan.

Ilmu ini bersifat sepadu kerana tidak wujud percanggahan antara ilmu agama dengan ilmu akal atau sains (Ahmad, 2001).

Sistem pendidikan integrasi (sepadu) adalah selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk menghasilkan individu yang seimbang daripada segi fizikal dan rohani. Di Selangor, kerajaan negeri telah bersetuju melakukan perubahan ke atas pelaksanaan pendidikan Islam di Sekolah-Sekolah Rendah Agama Negeri Selangor dengan melaksanakan kurikulum Agama bersepadukan KBSR. Ini bermakna Sekolah-Sekolah Rendah Agama Negeri Selangor akan melaksanakan KBSR sepenuhnya di samping Kurikulum Agama yang sedia ada. Sekolah yang terlibat dinamakan Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI). Pengubahsuaian ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan kualiti Pendidikan Agama Islam iaitu meningkatkan penghayatan, kefahaman agama Islam dan moral melalui pendidikan bersepadu serta menyeluruh terutama dalam kalangan generasi muda. Ini bermakna sistem pendidikan agama dan kebangsaan hendaklah diintegrasikan bagi membolehkan semua pelajar Islam di negeri Selangor memperolehi pendidikan Islam yang sempurna. Justeru, keperluan masyarakat terhadap pendidikan Islam yang lebih mantap dan menyeluruh semakin meningkat (Muhammad Najhan & Wan Kamal, 2009).

Antara objektif penubuhan SRAI adalah untuk meningkatkan mutu pendidikan melalui Kurikulum Bersepadu dan seimbang. Ia menepati tuntutan Falsafah Pendidikan Islam JAIS serta menyediakan asas pembinaan diri manusia yang mantap dan berkualiti iaitu dari aspek ilmu fardu ain atau fardu kifayah. Penubuhan SRAI juga merupakan suatu usaha yang positif bagi memenuhi tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang mempunyai matlamat untuk memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu (Mohd Kamal, 2012). Usaha ini adalah untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Selain itu, usaha ini mampu membentuk rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri.

Bagi melahirkan pelajar yang sepenuhnya berilmu, Falsafah Pendidikan JAIS telah menggariskan wawasan yang sangat jelas menjamin dan memantapkan ilmu Allah SWT dan sunnah Rasulullah SAW berkembang sepanjang zaman untuk diamalkan dalam kehidupan seharian bagi melahirkan Muslim sejati yang mampu menegakkan syariat Allah SWT di muka bumi ini. Kesepaduan matlamat pendidikan bertujuan untuk melahirkan insan yang mampu

menghayati dan mengamalkan konsep percaya dan patuh kepada Allah SWT dan berilmu pengetahuan dan berkecakupan. Individu muslim tersebut mestilah berperibadi luhur, teguh pegangan dan amalan akidah, syariah, akhlak dan ilmu akademik serta bertanggungjawab kepada diri, keluarga, masyarakat, agama, bangsa dan negara.

Menurut Mohd Kamal (2012), sejak penubuhan SRAI pada tahun 2000, pelbagai persoalan dan isu tentang idealisme dan pelaksanaan pendidikan integrasi sering ditimbulkan. Pemahaman guru yang dikaitkan dengan aspek penyampaian kandungan ilmu yang bermakna dan keperluan guru yang memiliki kemahiran dalam melaksanakan teknik pengajaran dan pembelajaran pendidikan integrasi sering menjadi isu yang diperbahaskan. Kajian UPSI (2006) mendapati guru-guru memahami pendidikan integrasi dari sudut pentadbiran, pengurusan dan jadual waktu. Walaubagaimanapun, pengajaran dan pembelajaran berkonsepkan pendidikan integrasi tidak dilaksanakan. Perkara ini berlaku memandangkan penubuhan SRAI yang bermula pada tahun 2000 dianggap baru dan guru-guru yang tidak didedahkan dengan pendidikan integrasi. Pembaharuan dalam sistem pendidikan yang diperkenalkan di SRAI memerlukan pemahaman tentang konsep, falsafah dan matlamat serta amalan guru-guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Ini kerana keberkesanan pelaksanaan Pendidikan Integrasi adalah berkait rapat dengan guru itu sendiri. Guru-guru perlu memahami konsep, falsafah dan matlamat pendidikan integrasi melalui latihan yang tersusun dan sistematik (Mohd Kamal, 2012).

Latihan guru adalah penting kerana guru merupakan tulang belakang bagi sistem pendidikan. Dalam konteks sesuatu kurikulum, guru merupakan jambatan antara ilmu dengan murid (Ahmad, 2001). Kualiti guru-guru bergantung kepada kerelevanan dan keberkesanan kurikulum yang digunakan dalam program latihan. Kurikulum yang dibentuk seharusnya mampu memberi pengetahuan, mengajar kemahiran dan membentuk sikap (Robiah, 2000). Kenyataan ini adalah selari dengan objektif Bahagian Pendidikan Islam JAIS iaitu untuk memantapkan sistem pengurusan dan perkhidmatan pendidikan Islam di negeri Selangor dan memperkasa kurikulum pendidikan Islam mengikut sistem pendidikan integrasi holistik untuk melahirkan modal insan bertakwa (Bahagian Pendidikan Islam JAIS, 2013). Guru memainkan peranan yang besar dalam menyampaikan isi kandungan kurikulum bersepadu. Menurut Tajul Ariffin dan Nor 'Aini (2002), guru perlu mempunyai kesediaan yang mantap dalam berfikir secara beradab untuk memahami ilmu-ilmu dalam kurikulum sejelas-jelasnya. Dengan sistem pendidikan yang dijalankan menerusi konsep integrasi (sepadu), insan yang dilahirkan kelak bakal mempunyai ilmu pengetahuan yang mantap, kemahiran yang tinggi dan juga akhlak yang baik serta dapat

menongkah arus dalam kehidupan (Akhmal Annas et. al, 2011). Keupayaan dan kewibawaan pendidik sebagai pemimpin akan membentuk insan yang terdidik, berilmu, berakhlak dan bertakwa. Kebijaksanaan pendidik dalam melaksanakan tanggungjawab pembimbing dan pemimpin terhadap anak didik, akan melengkapkan diri mereka sebagai pendidik yang profesional dan berwibawa. Ini menjadikan guru Pendidikan Islam khususnya sebagai ikutan yang terbaik dan berkesan kepada pelajar ke arah merealisasikan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Maka, penguasaan guru perlu diasaskan kepada penyediaan dan latihan (Ab Halim Tamuri et al., 2012).

Kajian oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) (2006), yang bertajuk 'Penilaian Sekolah Rendah Agama Integrasi Jabatan Agama Islam Selangor' terhadap pentadbir dan guru-guru telah menekankan tentang konsep SRAI, pengurusan dan pentadbiran SRAI, pengurusan proses pengajaran dan pembelajaran, pengurusan kurikulum dan sambutan masyarakat setempat. Dapatan kajian juga mendapati bahawa, guru-guru yang memahami konsep integrasi (sepadu) hanya dilihat dari perspektif pentadbiran sahaja dan integrasi dari konteks kurikulum yang sebenarnya adalah tidak wujud. Di samping itu, integrasi dalam kurikulum SRAI tidak membawa sebarang perubahan dalam reka bentuk dan kandungan kurikulum. Secara jelas menunjukkan bahawa konsep integrasi yang cuba dikemukakan oleh JAIS adalah terhad kepada aspek pengurusan serta penjadualan pengajaran dan pembelajaran sahaja. Konsep tersebut tidak melibatkan kesepaduan dalam konteks kurikulum yang sebenar, yang melibatkan integrasi kandungan dan metodologi pengajaran dan pembelajaran (Mohd Kamal, 2012). Menerusi kajian Kamal (2012) dan Syarifah (2015) mencadangkan agar pembentukan modul integrasi secara umum dan bagi setiap mata pelajaran diwujudkan. Berdasarkan justifikasi tersebut, analisis keperluan pembinaan modul perlu dilaksanakan sebelum membangunkan sesuatu modul. Oleh itu, kajian ini penting untuk dijalankan sebagai satu usaha untuk memantapkan institusi pendidikan umumnya dan latihan perguruan khususnya.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Penyelidikan ini secara khususnya bertujuan untuk menilai keperluan modul integrasi latihan perguruan bagi guru SRAI JAIS. Namun objektif yang ingin dicapai dalam artikel ini adalah untuk mengenal pasti apakah konsep Islamisasi dan integrasi ilmu? Fokus lain adalah untuk mengenalpasti apakah elemen-elemen dalam latihan perguruan dan bagaimanakah konsep modul integrasi latihan perguruan pendidikan Islam yang ingin dibangunkan?

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan dua kaedah analisis untuk diimplementasikan iaitu kajian literatur bersistematik “*Systematic Literature Review*” dan analisis kandungan (*content analysis*). Limitasi kajian tertumpu kepada konsep modul integrasi latihan guru dan tertumpu kepada guru-guru pendidikan Islam SRAI JAIS. Kajian berkaitan tahap kefahaman, kemahiran dan kesediaan guru-guru SRAI JAIS tentang pendidikan integrasi dikecualikan daripada kajian. Rumusan dan laporan data bertulis berkaitan dengan topik kajian daripada artikel terpilih dianalisis dan dikategorikan mengikut persamaan kata kunci dalam abstrak, kupasan isu dan skop kajian. Sepanjang analisis data yang dilaksanakan, pengkaji akan membuat kategori dan dimurnikan secara berterusan.

5.0 DAPATAN

Pengkaji telah meneliti dan mengkaji pelbagai artikel dan mendapati 14 artikel yang diterbitkan merupakan penulisan ilmiah yang mengupas tentang konsep integrasi dan latihan perguruan. Berikut adalah artikel yang telah dikenalpasti dan dikaji:

Jadual 1: Analisis Kandungan Berasaskan Konsep Integrasi

Bil	Tajuk	Topik	Pengarang/ Tahun	Jurnal/Muka Surat	Rekabentuk / Kaedah	Analisis Data
1.	Komponen Asas Untuk Latihan Guru Pendidikan Islam	Latihan guru	Ab Halim Tamuri/2012	Global Journal Al-Thaqafah/53-63	Kuantitatif	Soal selidik
2.	Integrasi Dan Islamisasi Ilmu Dalam Perspektif Pendidikan Islam	Integrasi ilmu	Amin Fauzi/2017	Jurnal Pendidikan Islam uhamka/ 1-18	Kualitatif	Kajian literatur
3.	Implikasi Latihan Dalaman Kepada Guru-Guru Sekolah Rendah	Latihan guru	Lokman Bin Mohd Tahir/1999	Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia/	Kuantitatif	Soal selidik
4.	Methodology of Islamization of Human Knowledge: A Comparative Appraisal of Proposed Approaches	Integrasi ilmu	Mughal MJ/2015	Arts and Social Sciences Journa	Kualitatif	Pemerhatian dan analisis dokumen
5.	Model-Model Integrasi Keilmuan Perguruan Tinggi Keagamaan Islam	Model integrasi	Nur Jamal/2017	Jurnal Kabilah 2017	Kualitatif	Kajian literatur
6.	Pengintegrasian Ilmu	Integrasi	Zetty	E-Jurnal	Kualitatif	Temubual/an

Aqli Dan Naqli Melalui Pendekatan “Lesson Study” Di Maahad Tahfiz Sains Negeri Selangor	Ilmu	Nurzuliana Rashed/2017	Penyelidikan Dan Inovasi/30-42	alisis dokumen
---	------	------------------------	--------------------------------	----------------

6.0 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Perbahasan kajian ini mengupas elemen-elemen utama berkaitan dengan konsep Islamisasi dan integrasi ilmu, pendidikan integrasi, elemen-elemen latihan perguruan dan konsep modul integrasi latihan guru Pendidikan Islam.

6.1 Islamisasi dan Integrasi Ilmu

Sistem pendidikan dalam dunia Islam kini terbahagi kepada sistem pendidikan Islam dan sistem pendidikan sekular yang perlu diubah. Kedua-dua sistem ini perlu disatukan, sementara sistem yang baru hendaklah ditanamkan dengan roh Islam. Al-Faruqi (1982) mengesyorkan umat Islam mestilah memperbaiki dan memperbetulkan sistem pendidikan. Bertitik tolak daripada persidangan pertama di Mekah pada tahun 1977 telah mengenal pasti dan berpendapat punca utama umat Islam dengan pelbagai masalah adalah kelesuan ummah (*the malaise of the ummah*) disebabkan sistem pendidikan yang mereka lalui sekian lama. Pendidikan di dunia umat Islam didominasi oleh pendidikan sekular Barat, menyebabkan generasi mudanya terus diasuh dengan kefahaman yang memisahkan agama (Islam) dengan kehidupan. Justeru sistem pendidikan sekular perlu diganti dengan sistem yang berorientasikan Islam (Ghazali, 2008). Beliau mengharapkan agar sistem pendidikan tradisional dan sistem pendidikan moden disatukan menjadi satu sistem yang sifatnya sepadu (integrasi) (Ghazali, 2008).

Al-Faruqi telah mengemukakan rangka kerja pengislaman ilmu sebagaimana yang diutarakan oleh beliau melalui bukunya *Islamization of Knowledge: General Principles and Workplan* mengandungi lima objektif yang utama iaitu menguasai disiplin moden, menguasai warisan Islam, memperkukuhkan hubungan khusus Islam dengan setiap bidang ilmu moden, mencari kaedah untuk mensintesis secara kreatif antara ilmu warisan Islam dan ilmu moden dan pengarahannya pemikiran Islam ke arah menunaikan perintah Allah SWT (al-Faruqi, 1982). Bagi mencapai objektif-objektif yang dikemukakan tersebut, al-Faruqi (1991) telah mengutarakan 12 langkah yang perlu dilakukan bagi mencapai matlamat Islamisasi tersebut iaitu penguasaan disiplin-disiplin ilmu moden, meninjau disiplin ilmu, penguasaan warisan ilmu Islam,

menganalisis penguasaan warisan ilmu Islam, penentuan penyesuaian Islam yang khusus terhadap disiplin ilmu, penilaian kritis terhadap disiplin ilmu moden, penilaian kritis terhadap ilmu warisan Islam, meninjau masalah utama umat Islam kini, meninjau masalah umat manusia seluruhnya, melaksanakan analisis kreatif antara ilmu warisan Islam dan disiplin ilmu moden, membentuk semula disiplin-disiplin ilmu dalam rangka kerja Islam melalui buku teks universiti dan pengagihan ilmu yang telah diislamkan. (al-Faruqi, 1982; Mohd Nasir, 2005 & Abdul Halim, 2007, Mughal, 2015)

Menurut al-Attas (1980), Islamisasi merupakan proses pembebasan manusia daripada tradisi magik, mitos, animis, budaya kebangsaan (yang bertentangan dengan Islam) dan daripada belenggu fahaman sekular terhadap pemikiran dan bahasa. Ia juga melibatkan pembebasan daripada kawalan dorongan fizikalnya yang cenderung sekular dan tidak adil terhadap hakikat diri atau jiwanya. Ini kerana manusia dalam wujud fizikalnya cenderung lupa terhadap hakikat dirinya yang sebenar, menjadi jahil akan tujuan yang sebenar dan berbuat tidak adil terhadapnya. Al-Attas bersetuju proses Islamisasi ilmu itu harus bermula dari akar atau kerangka falsafah lagi dan ilmu-ilmu moden Barat itu diislamkan dahulu dari sebarang faham sekularisme dan segala peristilahan dan ungkapan peribahasa yang terbit daripadanya. Wan Mohd Nor (2012) turut bersetuju bahawa wacana Islamisasi ilmu yang diperjuangkan oleh al-Attas bukan merujuk kepada ilmu yang dianugerahkan Allah SWT kepada manusia, apa pun latar belakang agama, budaya dan zamannya. Terdapat aspek-aspek nilai dan akhlak manusia pelbagai agama dan zaman yang bersifat universal dan dapat diterima oleh ajaran Islam. Namun banyak jugak aspek-aspek tersebut yang tidak sesuai dengan ajaran Islam. Beliau mencadangkan konsep Islamisasi tertumpu kepada semua yang disembarkan sebagai ilmu (Ghazali, 2008).

Penjelasan berhubung proses Islamisasi ilmu memperlihatkan bahawa salah satu proses yang perlu direalisasikan adalah integrasi ilmu. Idea untuk menggabungkan kedua-dua ilmu tersebut (fardu ain dan fardu kifayah) bukanlah satu idea baru bagi sarjana-sarjana Muslim dalam dunia pendidikan. Malah, ia sememangnya menjadi dasar kepada gagasan-gagasan yang dikemukakan oleh mereka kerana matlamat akhir gagasan itu adalah untuk melahirkan khalifah Allah. Perbezaan yang terdapat bagi gagasan yang dikemukakan adalah dari sudut pelaksanaan gerak kerja yang dijalankan untuk mencapai matlamat tersebut. Perkataan integrasi didefinisikan sebagai penggabungan atau penggabungan dua atau beberapa kaum (unsur, bahagian dan lain-lain) menjadi kesatuan dan penyatuan (Kamus Dewan, 2005). Ia berbeza dengan konsep Islamisasi ilmu berdasarkan pendekatan yang digunakan iaitu penggabungan, manakala

Islamisasi melibatkan pendekatan penyaringan dan pencernaan untuk menghasilkan ilmu baru berlandaskan Islam. Konsep integrasi ilmu pula lebih menekankan sempadan atau kawalan iaitu ilmu-ilmu asing masih boleh dipelajari dan diamalkan tetapi ianya perlu digabungkan dengan ilmu agama untuk mengelakkan daripada berlaku penyelewengan. Konsep integrasi dalam korpus ilmu pengetahuan masa kini melibatkan integrasi ilmu dan agama merujuk kepada penyatuan ilmu pengetahuan dan agama Islam yang tidak terpisah antara satu sama lain (Mohd. Solikin, 2008 & Muhamad Muda, 2008, Anas et al., 2016, Zetty Nurzuliana et al., 2017). Kepentingan integrasi ilmu naqli dan ilmu aqli menurut Zetty 2014 adalah Sebagai prasyarat pembangunan diri, masyarakat dan negara. Aspek memahami perkembangan dan dan pembangunan sains dan teknologi Islam dan melahirkan peribadi holistik atau modal insan yang berkualiti. Seterusnya dapat menggalakkan manusia berfikir dan membentuk perwatakan dan sahsiah individu serta menemukan insan kepada PenciptaNya.

6.2 Komponen Asas Latihan Guru Pendidikan Islam

Latihan merupakan aktiviti yang sangat signifikan kepada para guru dalam sesebuah organisasi pendidikan untuk menangani perubahan dan tuntutan semasa yang wujud pada masa kini. Pelbagai faktor seperti gelombang globalisasi, perubahan budaya organisasi, perkembangan generasi masa kini, perubahan mendadak teknologi dan faktor-faktor penyumbang lain yang boleh memberi impak kepada sesebuah organisasi untuk memberi perhatian serius perlunya latihan bersesuaian dan berterusan diberikan kepada para guru. Dapatan kajian sebelum ini menunjukkan beberapa komponen perlu diberikan perhatian dalam aspek latihan guru-guru pendidikan Islam.(Al-Ghazali, t.th; Abdul Fattah, 2001; Kamarul Azmi dan Ab. Halim, 2007; Ahmad Yunus dan Ab. Halim, 2010, Tamuri et al. 2012, Affezah Ali et al. 2017).

Abdul Halim Tamuri (2012) mendapati guru-guru pendidikan Islam sering menggunakan kaedah kuliah dan penerangan dalam latihan perguruan. Dari sudut amalan pengajaran, mendapati domain *muaddib* adalah paling dominan diikuti *murabbi*. Seterusnya bagi kualiti domain *mursyid*, *mu'allim* dan *mudarris* perlu dipetingkatkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam. Komponen asas yang perlu ada di dalam latihan guru ialah menambah baik personaliti Guru, ilmu pengetahuan guru, pengetahuan pedagogi kandungan, kepelbagaian kemahiran guru dan motivasi dalam P&P. Muhammad Zahiri Awang Mat (2013) telah bersetuju menggunakan komponen asas latihan guru untuk kajian analisa keperluan latihan guru-guru sekolah rendah agama di Selangor. Kajian sebelum ini, mendapati Ibrahim

Mamat. (1996) berkaitan keberkesanan kursus-kursus anjuran Unit Latihan dan Pendidikan Malaysia telah memberi pengetahuan baru kepada para peserta. Namun mereka merasakan pengisian praktikal perlu diutamakan berbanding teori dan kursus perlu mendedahkan kepada mereka aspek profesional masa kini. Kursus yang hanya melibatkan syarahan dan kuliah tidak lagi sesuai digunakan pada masa kini. Isu yang sama juga dipersetujui oleh Lokman 1999 yang menyatakan keberkesanan latihan dalaman masih lagi menimbulkan persoalan dan memerlukan kajian lanjutan tentang hasilnya. Oleh itu, beliau berpendapat beberapa perkara perlu dilakukan bagi melihat penilaian guru-guru terhadap pengajaran dan pembelajaran yang merujuk kepada komponen faktor-faktor keperluan latihan dalaman dan mengenalpasti kesan latihan dalaman dalam meningkatkan kemahiran mengajar guru (Lokman et al., 1999). Muhammad Zahiri Awang Mat, et.al. (2013) telah menilai tahap profesionalisme guru agama di sekolah rendah agama di Selangor mendapati guru-guru KAFA perlu lebih istiqomah dan memberikan komitmen yang lebih serius dan secara konsisten dalam melakukan amalan berkaitan ibadah. Secara keseluruhannya, kajian ini menilai apakah ciri-ciri yang perlu ada serta apakah perkara yang perlu ditumpukan dalam melahirkan guru agama yang di tahap *murabbi*. Namun, latihan-latihan yang diperlukan tidak dinyatakan secara jelas dan kaedah untuk melahirkan murabbi ini tidak diperincikan secara holistik. Oleh itu, berikut adalah komponen-komponen asas latihan perguruan Pendidikan Islam.

6.2.1 Personaliti guru

Personaliti mewakili perwatakan seseorang individu dan dapat diperhatikan melalui tingkah lakunya di dalam situasi pada sesuatu ketika. Hal ini sesuai dengan peranan guru menurut Islam iaitu membersihkan dan membina jiwa agar menjauhi keburukan dan memeliharanya sesuai dengan fitrah kejadiannya, memindahkan ilmu pengetahuan kepada pelajarinya supaya diaplikasikan dalam diri dan kehidupan mereka (Al-Nahlawy, 1983). Guru pendidikan Islam perlu memiliki sifat-sifat keperibadian yang unggul, ketokohan dan perwatakan yang baik untuk memastikan keberkesanan dalam menyampaikan ilmu pengetahuan. Sebagai role model, guru pendidikan Islam mesti mempunyai sahsiah yang unggul supaya mereka boleh dicontohi dan dihormati. Tingkah laku dan sikap guru sentiasa diperhatikan dan dinilai oleh pelajar-pelajar bukan sahaja semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah atau di dalam sekolah malah juga ketika di luar kawasan sekolah. Perwatakan guru amat penting kerana ianya melambangkan personaliti mereka. Abdullah (1995) mengatakan bahawa perwatakan tersebut boleh dipupuk melalui sifat-sifat spiritual seperti ikhlas, jujur, sabar, kasih sayang, warak dan taqwa bahkan

menerusi sifat-sifat fizikal seperti tutur kata, tingkah laku, kebersihan diri, pakaian, tempat tinggal dan lain-lain. Oleh kerana tujuan utama pendidikan ialah pembentukan akhlak dan rohani, maka keperluan bagi seseorang guru untuk memiliki personaliti atau sahsiah yang unggul merupakan satu kemestian dan syarat sebelum berkhidmat di sekolah-sekolah. Personaliti yang unggul membolehkan guru mempengaruhi pelajarannya ke arah kebaikan dan seterusnya menjadi pemimpin yang dihormati oleh pelajar dan masyarakat (Ab Halim, 2012 & Affezah Ali, 2017).

6.2.2 Ilmu pengetahuan guru

Seorang guru perlu sentiasa berusaha mempertingkatkan pengetahuannya dalam bidang yang diajarnya ataupun cara dia mengajar ilmu tersebut. Seorang guru perlu mempunyai pelbagai ilmu pengetahuan termasuk pengetahuan yang mendalam terhadap mata pelajaran yang diajarnya. Al-Abrasyi (1974). Al-Nahlawy (1983) juga bersetuju bahawa seorang pendidik perlu sentiasa mempertingkatkan keilmuannya, pengetahuan yang mendalam terhadap mata pelajaran yang diajarnya serta menguasai ilmu pengetahuan lain seperti pengetahuan agama, sejarah, geografi, matematik, bahasa dan sebagainya. Menurutnya lagi, pendidik perlu memastikan kefahaman yang mendalam terhadap sesuatu ilmu agar dihormati dan dipercayai oleh pelajarannya. Selain itu, guru-guru perlu diberikan latihan yang berterusan supaya menguasai ilmu-ilmu pengajian Islam. Keupayaan guru dalam bidang ini sangat penting kerana kebanyakan guru mempunyai latar belakang bidang pengkhususan pengajian yang berbeza semasa di peringkat pengajian tinggi atau di universiti. Terdapat guru-guru pendidikan Islam yang mempunyai pengkhususan dalam bidang Bahasa Arab, Syariah, Usuluddin, Dakwah, Tafsir, Tamadun Islam, Al-Quran dan sebagainya. Oleh yang demikian, guru-guru ini mempunyai kelebihan dalam satu bidang dan mempunyai kekurangan dalam bidang-bidang yang lain. Guru-guru juga perlu mempunyai ilmu yang selari dengan keperluan semasa sesuai dengan kedudukan mereka sebagai role model kepada pelajar dan pakar rujuk atau agamawan dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, bagi memastikan kualiti dan ilmu guru-guru pendidikan Islam, sijil khas tauliah mengajar agama boleh diwujudkan dengan kerjasama majlis-majlis agama Islam negeri dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi mengesahkan mempunyai kelayakan menyampaikan ilmu (Ab Halim, 2012 & Affezah Ali, 2017).

6.2.3 Pengetahuan pedagogi kandungan

Elemen pengetahuan pedagogi kandungan adalah komponen penting dalam pengajaran dan pembelajaran. Secara asasnya, guru-guru mesti menyampaikan pelajaran mengikut kemampuan dan pencapaian skala fikiran pelajar, mengenalpasti kesediaan dan kemampuan pelajar selaras dengan batasan kefahaman dan kehendak setiap pelajar, memilih kaedah pengajaran yang sesuai dengan tujuan dan hasil pembelajaran, tahap perkembangan, kematangan dan kecerdasan pelajar serta menggunakan bahan pengajaran, rujukan dan bahan bantu mengajar yang sesuai. Menurut Shulman (1987), terdapat dua perkara yang menjadi asas kepada *teacher knowledge base*, iaitu pengetahuan isi kandungan subjek dan pengetahuan pedagogi subjek. Pengetahuan pedagogi kandungan ini merujuk kepada bagaimana guru menentukan pengajaran di dalam kelas sesuai dengan kandungan mata pelajaran yang meliputi elemen pendekatan, strategi, teknik, pengurusan bilik darjah, interaksi guru dan kesesuaian bahan bantu mengajar yang digunakan. Ahmad Yunus & Ab. Halim (2010) telah menjelaskan bahawa pengetahuan pedagogi kandungan menekankan keupayaan guru mengolah kefahaman pengetahuan kandungan yang disampaikan kepada pelajar, keupayaan guru mempelbagaikan kaedah pengajaran yang sesuai agar mudah difahami pelajar dan kefahaman guru terhadap ciri-ciri dan kebolehan pelajar. Sehubungan itu, guru perlu berkemampuan untuk melaksanakan metodologi pengajaran tilawah al-Quran, hafazan, kefahaman hadith, aqidah, sirah, ibadah dan juga akhlak yang berbeza. Ini kerana kerana setiap bidang ilmu ini mempunyai kandungan yang berbeza antara satu sama lain dan metodologi yang berbeza. Persoalannya adakah guru-guru telah didedahkan dengan metodologi yang sesuai dengan keperluan kepelbagaian metodologi pengajaran yang berbeza-beza? Penyampaian isi kandungan perlu dilaksanakan dengan sebaiknya supaya dapat membentuk kefahaman dan penghayatan serta pelajar-pelajar dapat mengaitkan pelajaran dengan konteks kehidupan yang sebenar. Latihan atau kursus yang dijalankan pada peringkat pra atau dalam perkhidmatan perlu memberikan pendedahan dan latihan berterusan berkaitan aspek pengetahuan pedagogi kandungan bidangbidang pendidikan Islam (Ab Halim, 2012 & Affezah Ali, 2017).

6.2.4 Kepelbagaian kemahiran guru

Guru mestilah mempunyai kemahiran mengajar meliputi aktiviti perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan dan penilaian dengan tujuan menyebarkan ilmu pengetahuan atau kemahiran kepada pelajar-pelajar dengan berkesan melalui pendekatan, strategi, kaedah dan

teknik mengajar berlandaskan teori pengajaran dan pembelajaran. Kemahiran-kemahiran tersebut amat penting bagi memastikan guru berupaya mengendalikan pelajaran yang tinggi mutunya agar pelajar tertarik kepada pelajaran yang bermakna dan menyeronokkan. Kemahiran mengajar membolehkan aktiviti pengajaran dilaksanakan dengan sistematik dan langkah demi langkah, iaitu daripada peringkat permulaan diikuti dengan peringkat perkembangan konsep dan diakhiri dengan aktiviti peneguhan dan pengukuhan (Kamarul Azmi & Ab. Halim, 2007). Kesannya, guru akan berjaya memotivasikan pelajar-pelajar dan menarik perhatian mereka supaya bersedia mengikuti pengajaran guru dengan penuh minat. Akhirnya, kandungan pelajaran dapat disampaikan kepada pelajar mengikut langkah tertentu dan dengan cara yang sistematik serta menepati masa pembelajaran yang ditetapkan. Penggunaan strategi dan kaedah mengajar yang sesuai dengan tahap kecerdasan pelajar merupakan ciri-ciri kemahiran mengajar yang perlu ada pada seorang guru (Al-Ghazali, t.th). Malah kaedah dan teknik pengajaran yang baik boleh menyumbang kepada mutu PdPc yang berkesan. Kemahiran mengajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran merujuk kepada tiga istilah penting iaitu pendekatan, kaedah dan teknik. Justeru, seorang guru yang ingin menguasai kemahiran mengajar perlulah menguasai ketiga-tiga elemen tersebut untuk diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Guru-guru juga perlu menguasai kemahiran terkini dalam Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK), kemahiran penyelidikan, kemahiran penulisan dan pembangunan modul pengajaran dan pembelajaran (Ab Halim 2012 & Affezah Ali, 2017).

6.2.5 Motivasi dalam P&P

Motivasi merupakan salah satu unsur penting bagi membolehkan proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung dalam keadaan yang berfaedah dan bermakna (Al-Ghazali, t.th). Guru perlu membangkitkan motivasi pelajar untuk belajar kerana keinginan untuk belajar bukanlah suatu kemestian yang ada pada semua manusia. Oleh itu, ianya merupakan salah satu aspek yang perlu dititikberatkan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Tanpa motivasi, proses pembelajaran menjadi tidak bermakna dan tidak berkesan (Shahabuddin et al., 2003). Namun begitu, guru harus bermotivasi terlebih dahulu sebelum mereka dapat memotivasikan pelajar-pelajar. Peranan yang besar harus dipikul oleh guru kerana mereka bukan sahaja perlu bersedia dari aspek kemahiran mengajar dan penguasaan ilmu, malah perlu bijak menggunakan teknik motivasi yang pelbagai untuk mendorong minat pelajar seterusnya menjayakan proses pemindahan ilmu (Ali Murad, 2003). Guru bertanggungjawab untuk mewujudkan rangsangan agar ia memberi sumbangan kepada proses pembelajaran pelajar. Menurut Shahabuddin et al.

(2003), walaupun rangsangan dan gerak balas berlaku terpisah, guru dapat mengubah persekitaran kelas untuk mencipta suasana yang lebih baik. Proses ganjaran dan peneguhan yang tekad dan konsisten juga mampu membangkitkan motivasi pelajar (Ab Halim, 2012 & Affezah Ali, 2017).

6.3 Konsep Modul Integrasi Latihan Guru Pendidikan Islam

Sehingga kini ramai beranggapan bahawa agama dan ilmu tidak boleh disepadukan sehinggakan ada yang melihat kedua-dua elemen tersebut berada dalam entiti yang berbeza. Terdapat beberapa model integrasi ilmu yang boleh dijadikan asas untuk membina modul latihan guru pendidikan Islam. (Siful Arifin, t.th; Jamal, 2017) Dalam proses mengintegrasikan latihan perguruan pendidikan Islam hendaklah menjadikan Islam (syariat) sebagai landasan asas. Melalui syariat, ilmu itu boleh dicerna mengikut acuan yang telah ditetapkan dan pengembangannya bersifat objektif bergantung kepada para ilmu yang mendalami disiplin ilmu masing-masing. Hasil daripada ilmu pengetahuan tersebut khususnya bidang sosial dan bersifat universal boleh digunakan oleh ramai individu. Seterusnya integrase latihan perguruan tersebut hendaklah memasukkan nilai-nilai Islam (akhlak) ke dalam konsep yang terdapat di dalamnya. Nilai akhlak adalah bersifat tegar dan tidak terdapat perubahan berdasarkan sistem aksiologi Islam. Melalui nilai akhlak, manusia akan sentiasa memperbaiki dirinya dan meningkatkan amal soleh berdasarkan konsep ihsan. Akhirnya modul integrase latihan perguruan tersebut hendaklah dimasukkan konsep tauhid. Konsep tauhid adalah intipati ajaran Islam sama ada yang berkait dengan ilmu pengetahuan dan ilmu kemasyarakatan. (Amin Fauzi, 2017) Akidah dan ilmu perlu disepadukan bagi memastikan insan yang dididik dapat dibentuk sebagai khalifah Allah SWT yang bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas-tugasnya (Ab. Halim, 2009; Kamarul Azmi Jasmi & Mohd Izzuddin, 2015; Zetty Nurzuliana & Abdul Halim, 2014). Kesepaduan ilmu yang berlandaskan Tauhid sememangnya dituntut dalam Islam sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk). Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku. Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah. Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan. Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.” (al-Quran, al-Alaq 96: 1-5)

Sebagai rumusan, konsep latihan guru integrasi pendidikan Islam perlu difokuskan kepada usaha melatih guru-guru pendidikan Islam yang mengajar di sekolah integrasi yang mempunyai

pengetahuan dan kemahiran yang tinggi. Guru pendidikan Islam yang cemerlang boleh dilahirkan dengan menekankan kepada pembangunan insan guru berteraskan konsep *Muddaris, Muaddib, Murabbi, Mursyid dan Muallim*. Guru yang kreatif, inovatif serta berupaya menggunakan kaedah pengajaran dan pedagogi kandungan yang bersesuaian bukan sahaja mampu memberi kesan positif terhadap prestasi pelajar, bahkan dapat menjana pemikiran yang kritis dan kreatif, mewujudkan suasana pembelajaran yang ceria dan menggalakkan pelajar untuk menguasai ilmu ke arah penghayatan yang lebih sempurna.

7.0 PENUTUP

Modul latihan guru yang akan dibangunkan mestilah mempunyai elemen personaliti guru, ilmu pengetahuan guru, pengetahuan pedagogi kandungan, kepelbagaian kemahiran guru dan motivasi pengajaran dan pembelajaran. Kesemua elemen tersebut adalah asas dalam latihan perguruan yang perlu diberikan fokus. Kajian ini juga telah menjelaskan tentang konsep islamisasi dan integrasi ilmu yang boleh dijadikan sandaran dalam membina konsep modul latihan guru. Konsep modul latihan perguruan tersebut mestilah dibangunkan dengan berpaksikan Islam sebagai asas, nilai-nilai akhlak dan tauhid. Elemen tauhid menjadi asas utama kepada pelaksanaan syariat Islam dan pengamalan nilai akhlak oleh manusia. Ketiga-tiga elemen ini yang akan menjadi dasar kepada konsep latihan guru integrasi yang akan dibangunkan.

RUJUKAN

- Abdullah. 1995. Pendidikan Islam Dan Pengaruhnya Di Malaysia. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Al-Abrasyi, Mohd. Atiyyah. 1974. Dasar-dasar Pokok Pendidikan Islam. Jakarta: Bulan Bintang. Jakarta, Indonesia.
- Akhmal Annas. 2015. Revealed Knowledge Integration in National Dual Training System (NDTS): Philosophy, Issues, and Challenges. *Jurnal Procedia - Social and Behavioral Sciences* 204:191-197
- Affezah Ali, et.al. 2017. Analisa Keperluan Latihan Guru-Guru Sekolah Rendah Agama Di Selangor. *National Pre Seminar* 23: 116–129.
- Abdul Fattah. 2001. Nabi Muhammad: Guru dan pendidik terulung. Terjemahan Shuhadak Mahmud. Negeri Sembilan: M. Khari Enterprise & al-Azhar Media Ent. Negeri Sembilan, Malaysia.
- Amin Fauzi. 2017. Integrasi Dan Islamisasi Ilmu Dalam Perspektif Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidikan Islam uhamka* 8(1): 1–18.
- Abdul Halim Ramli. 2007. *Memahami Islamisasi Ilmu Dari Pemikiran Prof. Ismail Ragi al-Faruqi*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti, Universiti Teknologi Mara.
- Ab Halim Tamuri, et.al. 2012. Komponen Asas Untuk Latihan Guru Pendidikan Islam. *Global Journal Al-Thaqafah* 2(2): 53–63.
- Ahmad Mohd Said. 2001. Konsep pelaksanaan pendidikan bersepadu: Kurikulum dan latihan guru. *Jurnal Pendidikan Islam* 9 (3): 9-16.
- Ali Murad & Yahya Hasan. (2003). Adab Al-‘Alim Wa Al-Muta’alim ‘Inda Al-Mufakkirin Almusliminmin Muntasif Al-Qarn Al-Thani Al-Hijriy Wa Hatta Nihayah Al-Qarn Al-Sabi’. Beirut : Daral-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, Lubnan.
- Ahmad Yunus, K. & Ab. Halim, T. 2010. Pengetahuan Pedagogikal Kandungan (PPK) Pengajaran Akidah: Kajian Kes Guru Cemerlang Pendidikan Islam. *Journal of Islamic and Arabic Education*. 2(2):13-30.
- Al-Faruqi, Ismail Raji. 1982. Islamization of Knowledge: General Principles and Workplan. International Institute of Islamic Thought.
- Ghazali Basri. 2008. Falsafah Pendidikan Islam Huraian Konsep dan Aplikasi. Bandar Seri Begawan: Pusat Penerbit & Penyelidikan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.
- Idris, N. H. & Hamzah, R. 2013. Nilai Profesionalisme Bakal Guru Berteraskan Indikator Standard Guru Malaysia (SGM). *Jurnal Teknologi (Sciences and Engineering)* 60: 31–37.
- Jamal, N. 2017. Model-Model Integrasi Keilmuan Perguruan Tinggi Keagamaan Islam. *Kabilah* 2: 83–101.
- Kamarul Azmi Jasmi, & Ab. Halim. 2007. Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran. Penerbit UTM, Skudai, Johor, Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi & Mohd Izzuddin. 2015. Pemeraksanaan Pendidikan Islam dalam Cabaran Zaman. Bangi: Persatuan Intelektual Muslim Malaysia.
- Lokman, M. T., Kalsom, S. & Lokman Bin Mohd Tahir & Kalsom Binti Saleh. 1999. Implikasi Latihan Dalaman Kepada Guru-Guru Sekolah Rendah. *Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*.
- Mohd. Fadzly Mohd. Izab. Peranan Guru Jana Transformasi Pendidikan. Utusan Malaysia 14.5.2011
- Muhammad Faizal, A. G. & Abd. Khalil, A. 2015. Model Program Perkembangan Profesionalisme Guru Malaysia: Satu Kajian Analisis Keperluan Di Sekolah Berprestasi. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*. v2. 32-46

- Mohd Kamal Radiman.2012. Tahap Kefahaman dan Amalan Guru Terhadap Pendidikan Integrasi Di Sekolah Rendah Agama Integrasi. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Najhan. 2009. Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI, Jabatan Agama Islam Selangor: Analisis Terhadap Sejarah Perkembangan dan Pelaksanaannya. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Mughal MJ. 2015. Methodology of Islamization of Human Knowledge: A Comparative Appraisal of Proposed Approaches. *Arts and Social Sciences Journal* 06(05).
- Mohd Nasir Omar. 2005. Gagasan Islamisasi Ilmu. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Norazmi Anas,et.al 2016. Islamisasi & Integrasi Ilmu Dalam Pengajian Islam: Senario Semasa Pengajian Tinggi Negara. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah (JSASS)* 3(1).
- Al-Nahlawy, Abd. Rahman. 1983. Usul Altarbiyyah Al-Islamiyyah Wa Asalibiha Fi Al-Bait Wa Al-Madrasah Wa Al-Mujtama'. Beirut: Dar al-Fikri, Beirut, Lubnan.
- Robiah Sidin. 2000. Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran Universiti Tempatan. *Jurnal Akademika*. 25 - 40
- Salmiah J., et.al. 2011. Keperihatinan Guru Dalam Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah :Perubahan Dalam Penilaian Pendidikan. Prosiding Seminar Majlis Dekan-dekan Pendidikan IPTA 2011. Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Syarifah Nur Liyana Syed Khaliddin. 2015. Pembinaan Kandungan Kurikulum Pendidikan Integrasi Untuk Latihan Perguruan Guru Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Shulman, L. (1987). Knowledge And Teaching: Foundation Of New Reform. *Harvard Educational Review*, 57(1):1-22.
- Siful Arifin.t.th.Model Integrasi Ilmu Umum Dan Ilmu Agama Di PTAIN.STIT Al-Karimiyah Beraji, Gapura Sumenep.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas.1980. The Concept of Education in Islam: A Framework for an Islamic Philosophy of Education. Kuala Lumpur:Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM)
- Tajul Ariffin Noordin et.al (2002), Pendidikan dan Pembangunan Manusia : Pendekatan Bersepadu, Bangi : As-Syabab Media.
- Wan Mohd Nor Wan Daud.2012. Rihlah Ilmiah Dari Neomodernisme ke Islamisasi Ilmu Kontemporer. Kuala Lumpur: CASIS, Universiti Teknologi Malaysia.
- Zetty Nurzuliana, et.al 2017. Pengintegrasian Ilmu Aqli Dan Naqli Melalui Pendekatan “Lesson Study” Di Maahad Tahfiz Sains Negeri Selangor. *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi* 4(1): 30-42.